

Bendung amalan belanja berlebihan

7 JAN 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Kadar tabungan kebangsaan yang merosot dengan sebahagian besar disumbangkan oleh amalan belanja berlebihan di kalangan rakyat negara ini, perlu diberi perhatian supaya tidak berterusan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata berikutan amalan itu, rakyat negara ini yang satu ketika dulu dianggap sebagai penabung yang besar kini semakin merosot.

Katanya, sepanjang dua dekad lalu, kadar tabungan purata tahunan Malaysia adalah melebihi 30 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Bagaimanapun, beliau berkata, pada 1990 kadar tabungan kebangsaan merosot kepada kurang 30 peratus daripada KDNK, berbanding 33.6 peratus pada 1987. Pada 1991, kadar itu diramalkan terus merosot kepada kira-kira 28 peratus daripada KDNK.

“Kemosrotan kadar tabungan itu menunjukkan amalan berbelanja yang tinggi di kalangan rakyat negara ini, berikutan perkembangan pesat ekonomi dan pertambahan dalam pendapatan,” katanya ketika merasmikan program Penganalisan Projek dan Pengurusan Berisiko di Kuala Lumpur, hari ini.

la amalan berhutang secara mudah menjadi kebiasaan, kecenderungan berbelanja lebih daripada keupayaan boleh menjadi tabiat biasa,” katanya.

Mengenai kedudukan imbalan pembayaran negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, defisit akaun semasa 1991 yang dijangka pada kadar lapan hingga sembilan peratus daripada KDNK, sudah tentu tidak akan mencapai defisit 14 peratus yang dicatat pada 1982.

Katanya, apa yang lebih yenting ialah defisit semasa mencerminkan kenaikan tinggi sektor import terutama loji dan peralatan modal, berikutan kemasukan secara

Datuk Seri Dr Mahathir, berkata berikutan peningkatan pendapatan, perbelanjaan penggunaan swasta berkembang hampir 15 peratus dalam tempoh tiga tahun berakhir 1990.

“Walaupun perbelanjaan pengguna dijangka sederhana pada 1991, kadar semasa masih lagi melebihi kadar yang lazim di antara enam dan tujuh peratus.

“Adalah jelas, penggunaan dan perbelanjaan yang tinggi itu tidak boleh dibiarkan berterusan. Demi kepentingan ekonomi negara, kita harus menabung dan tidak berbelanja melebihi kemampuan.

“Walaupun penggunaan kad kredit hanya membatikan jumlah kecil pinjaman yang dikeluarkan, arah aliran yang meningkat terhadap penggunaan kad berkenaan dan apabi-

langsung pelaburan asing.

Beliau berkata, pelaburan dalam produk baru itu seharusnya membawa keyada pertumbuhan tinggi dalam eksport dan membantu mengukuhkan kedudukan akaun semasa dalam jangka masa pertengahan.

“Tidak seperti awal 1980an, defisit dibiayai menerusi pinjaman kerajaan yang tinggi dari luar negara, bagaimanapun, defisit ketika ini ditanggung oleh kemasukan langsung pelaburan dan pelaburan semula asing.

“Selain itu, hutang luar negara juga kini berkurangan secara progresif sehingga menjelang 1991, nisbah yerkhidmatan hutang seharusnya berkurangan menjadi kira-kira 6.5 peratus. Berdasarkan keadaan itu, masalah defisit dalam akaun semasa dijangka tidak membimbangkan.” katanya